

BAHAGIAN A
[40 markah]
Jawab semua soalan

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. **Hitamkan** jawapan yang tepat dalam lampiran kertas jawapan yang disediakan.

- 1 Berikut adalah dosa besar **kecuali**
- A Menuduh zina
 - B Membunuh diri
 - C Mendedahkan aurat
 - D Menderhaka kepada ibu bapa
- 2 Hukum hudud ke atas pencuri yang sabit kesalahan ialah
- A Disebat
 - B Dibunuh
 - C Dipenjara
 - D dipotong tangan
- 3 Allah SWT mengenakan hukuman yang berat terhadap mereka yang melakukan perbuatan zina, liwat dan musahaqah kerana perbuatan tersebut
- I Merugikan masa
 - II Meruntuhkan institusi keluarga
 - III Memberi pengajaran kepada pengamalnya
 - IV Membantut pembangunan negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 4 Faedah atau pertambahan yang diperolehi kerana menangguhkan tempoh bayaran
- Pernyataan di atas adalah pengertian
- A al-ijarah
 - B al-takaful
 - C riba al-fadl
 - D riba al-nasiah

5 Antara berikut yang manakah amalan yang boleh meningkatkan iman?


- I Menunaikan solat fardhu
- II Mentaati kedua ibu bapa
- III Sentiasa membaca al Quran
- IV Sentiasa menghadiri majlis ilmu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6 Anak yatim ialah anak yang kematian

- A ibu
- B bapa
- C ibu bapa
- D keluarga

7




P dalam rajah di atas ialah

- A al-Quran bukan makhluk
- B pelaku dosa besar dianggap kafir
- C berpegang dengan prinsip al Salaf al Solleh
- D berpegang bahawa perbuatan manusia dilakukan oleh manusia

8 Berikut adalah sebab tamat kontrak sewa **kecuali**

- A barang yang disewa rosak.
- B barang yang disewa hilang.
- C barang yang disewa dipinjam oleh orang lain.
- D barang yang disewa masih digunakan oleh penyewa.

9



Q dalam rajah di atas ialah haji

- A Ifrad
- B Tamattuk
- C Qiran
- D Wadak

- 10 Berikut ialah perempuan yang haram dipinang **kecuali**
- A tunangan orang
 - B isteri orang
 - C perempuan mahram
 - D perempuan yang tamat idah
- 11 Antara berikut, manakah perempuan yang haram dikahwini disebabkan persemendaan?
- A Adik beradik perempuan seibu sebapa
 - B Perempuan yang telah ditalak tiga
 - C Menantu perempuan
 - D Perempuan yang masih dalam idah
- 12 Manakah antara berikut amalan yang dilarang ketika walimatulurus?
- A Pergaulan bebas antara bukan mahram
 - B Mengadakan gotong-royong memasak
 - C Mengadakan majlis berzanji
 - D Pertunjukan silat
- 13
- Suami mendapat kemurkaan Allah SWT
 - Suami diwajibkan membayar kifarat
 - Menjatuhkan maruah isteri
- Pernyataan di atas ialah kesan
- A Talak
 - B Fasakh
 - C Zihar
 - D Lian
- 14 Jemaah haji disunatkan mandi **kecuali** ketika
- A berniat ihram di miqat
 - B memasuki Kota Mekah
 - C wukuf di Padang Arafah
 - D melontar jamrah di Mina
- 15 Antara yang berikut, manakah merupakan tanggungjawab isteri?
- I Memelihara maruah
 - II Memelihara anak-anak
 - III Memberi didikan yang baik
 - IV Menjaga harta suami
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 16 Polisi pemerintahan khalifah Usman bin Affan r.a ialah
- A menyusun semula pentadbiran tanah
 - B melonggarkan syarat penggunaan harta Baitulmal
 - C meneruskan Majlis Tahkim walaupun mendapat tentangan Khawarij
 - D menukarkan pegawai berketurunan Umayyah dengan pegawai baru
- 17 Di antara berikut, yang manakah karya Imam Ahmad bin Hanbal r.a dalam bidang hadis?
- A al-Musnad
 - B al-Manasik al-Kabir
 - C al-Nasikh wal Mansukh
 - D al-Manasik al-Saghir
- 18 Manakah antara berikut merupakan karya HAMKA dalam bidang sastera?
- I Laila Majnun
 - II Pandangan Hidup Muslim
 - III Lembaga Hidup
 - IV Di bawah Lindungan Ka'abah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 19 Antara berikut yang manakah merupakan adab menziarahi jenazah?
- I Merasa kesal terhadap kematian
 - II Membantu urusan pengebumian jenazah
 - III Mengucapkan takziah kepada keluarga jenazah
 - IV Membicarakan urusan keduniaan di rumah jenazah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 20 Berikut adalah faedah memelihara adab ketika berzikir **kecuali**
- A zikir diterima oleh Allah SWT
 - B kesempurnaan ibadat dapat dicapai
 - C selaras dengan sunnah Rasulullah SAW
 - D mengganggu ketenteraman orang lain


Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 21 _____ ialah sejenis bahan yang mengkhayalkan dan menghilangkan daya berfikir
- 22 Hukum membunuh diri adalah _____.
- 23 Mengisytiharkan dirinya keluar daripada agama Islam adalah merujuk kepada perbuatan _____.


- Beriktikad bahawa Saidina Ali r.a dan imam-imam mereka sebagai Tuhan.
- Beriktikad bahawa imam mereka iaitu Muhammad bin al-Hanafiah masih hidup
- Menghalalkan beberapa kemungkaran seperti minum arak.

- 24 Pernyataan di atas merujuk kepada pegangan _____.
- 25 Kesalahan yang dikenakan hukuman tertentu di dunia dan amaran azab di akhirat ialah maksud _____.



- 26 R dalam rajah di atas ialah _____.
- 27 Pengambilan deposit skim cepat kaya dilarang dalam Islam kerana ia terdedah kepada unsur _____.

Rajah menunjukkan tertib melontar di jamrah.



- 28 S dalam rajah di atas ialah _____.

Lengkapkan jadual pembayaran dam takhyir dan takdir di bawah.

- Menyembelih seekor kambing, atau
- Bersedekah kepada enam fakir miskin tiap-tiap seorang dua cupak, atau
- **T**

29 **T** dalam rajah di atas ialah _____.

Tidak berkemampuan memberi nafkah tetapi berkeinginan untuk berkahwin

30 Hukum perkahwinan di atas adalah _____.

- Beliau merupakan khalifah Umayyah yang kelapan
- Menghapuskan cukai jizyah daripada golongan mawali
- Khalifah pertama yang meminta supaya hadis Rasulullah SAW ditulis dan dibukukan.

31 Pernyataan di atas merujuk kepada khalifah _____.

Pembaharuan dalam sistem pentadbiran kerajaan Khulafa al-Rasyidin




- Menubuhkan majlis syura
- **U**
- Penubuhan Jabatan (al-Diwan)

32 **U** dalam rajah di atas ialah _____.

33 Kegiatan penulisan, pembukuan dan pembinaan perpustakaan telah berjaya mewujudkan beberapa disiplin ilmu yang dikenali sebagai _____.

34 Antara sumbangan Imam Syafie ialah beliau berhujah dengan golongan anti hadis dan perdebatan ini disebut di dalam hasil karyanya _____.




35 **V** dalam rajah di atas ialah _____.

[Lihat halaman sebelah

36 Ihsan perniagaan ialah perniagaan dengan sebaik mungkin tanpa mementingkan _____ semata-mata.

37 Bidang kuasa Mahkamah Syariah terdiri dari bidang kuasa Mal dan _____



38 W ialah _____

39 _____ ialah simbol membersihkan diri daripada sifat tercela yang terdapat pada setiap jemaah haji.

40 Tanggungjawab rakyat terhadap pemimpin ialah mentaatinya dalam semua perkara kecuali _____

BAHAGIAN B

[60 markah]

Jawab tiga soalan

Jawab Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada soalan 3 atau soalan 4.

- 1 (a) (i) Nyatakan maksud membunuh diri. [2 markah]
- (ii) Jelaskan punca seseorang membunuh diri [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara penzina muhsan dan penzina ghair muhsan [4 markah]
- (b) (i) Jelaskan kesan minum arak kepada individu. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah pengharaman meminum arak. [4 markah]
- (c) (i) Namakan **dua** tokoh yang memasyhurkan nama Ahli Sunnah wal Jamaah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** langkah untuk memelihara akidah. [4 markah]
- 2 (a) (i) Barang merupakan salah satu rukun jual beli.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- Nyatakan **dua** rukun jual beli yang lain. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** syarat sah barang yang dijual beli. [2 markah]
- (iii) Jelaskan jual beli yang dilarang tetapi sah. [2 markah]
- (iv) Ramai dalam kalangan umat Islam kini terlibat dengan perniagaan atas talian (*online*).
Bagaimanakah untuk memastikan perniagaan itu menepati hukum syarak? [2 markah]
- (b) Wali ialah orang yang berkuasa mengahwinkan seorang perempuan.
- (i) Nyatakan **dua** jenis wali. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** syarat yang membolehkan kuasa wali nasab berpindah kepada wali hakim. [4 markah]
- (c) Sabda Rasulullah SAW
- حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنِي سَعِيدُ بْنُ أَبِي سَعِيدٍ عَنْ أَبِيهِ
عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ تَنْكُحُ الْمَرْأَةُ
لِأَرْبَعٍ لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا فَاظْفَرُ بِذَاتِ الدِّينِ تَرِبْتُ يَدَاكَ
- Hadis di atas menjelaskan tentang ciri-ciri bakal isteri.
- (i) Senaraikan **dua** daripada ciri tersebut. [2 markah]
- (ii) Berikan pendapat anda tentang mencari jodoh melalui aplikasi maya seperti *facebook*, *twitter* dan lain-lain. [4 markah]
- 3 (a) (i) Nyatakan **dua** ciri kepimpinan Khulafa al-Rasyidin. [2 markah]
- Undang-undang dan perlembagaan negara berdasarkan al-Quran dan al-Hadis.
- (ii) Jelaskan **dua** dasar pentadbiran Khulafa al-Rasyidin selain perkara di atas. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan latar belakang pendidikan Sheikh Muhammad Abduh sebelum memasuki universiti. [2 markah]
- (ii) Jelaskan faktor Sheikh Muhammad Abduh melakukan pengislahan dalam sistem pendidikan. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** adab terhadap Rasulullah SAW. [2 markah]
- (ii) Jelaskan kerugian kepada orang yang tidak melakukan sunnah Rasulullah SAW. [2 markah]



Sambutan Maulidur Rasul

- (iii) Gambar di atas berkaitan dengan penghayatan kasih sayang dan kecintaan masyarakat terhadap Nabi Muhammad SAW. Huraikan cara lain yang menunjukkan anda cinta dan kasih kepada Rasulullah SAW. [4 markah]

- 4 (a) (i) Nyatakan **dua** faktor perkembangan sains dan teknologi zaman Abasiyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan menguasai ilmu sains dan teknologi. [4 markah]
- (b) Imam Abu Hanifah rahimahullah adalah salah seorang tokoh ilmuwan terkenal.
- (i) Nyatakan **dua** karya beliau. [2 markah]
- (ii) Jelaskan sebab beliau digelar Abu Hanifah. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** contoh sedekah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara sedekah dan hadiah. [4 markah]
- (iii) Rakan baik anda sering memberi hadiah kepada rakan lain serta menyebarkannya di laman sosial.
- Huraikan pandangan anda mengenai situasi di atas.
- [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT